

KBAT
KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

LATIH TUBI 30 TOPIK BAHASA MELAYU

600 SOALAN TATABAHASA

BONUS

- ✓ TIP BIJAK BAHASA
- ✓ PETA MINDA
- ✓ KOSA KATA

TAHUN 4 • 5 • 6



ULAIMAN MOIDEN
BDUL HAMID MOIDEN

READ RESOUR

Pilih kata perintah yang sesuai bagi mengisi tempat kosong.

1. " _____ buat air untuk kanak-kanak yang datang beraya," pesan ibu kepada kakak.

A. Jemput
B. Tolong
C. Sila
D. Usah



2. " _____ beratur ketika membeli makanan di kantin," kata pengawas bertugas itu.

A. Sila
B. Jemput
C. Jangan
D. Usah

5. " _____ lah makan kuih-muih yang terhidang di atas meja itu," pelawa Puan Alina kepada tetamunya.

A. Usah
B. Tolong
C. Jangan
D. Jemput

3. " _____ lah kamu bersedih lagi. Saya akan belikan kamu seekor anak kucing yang baharu," pujuk abang apabila kucing kakak mati dilanggar motosikal.

A. Sila
B. Minta
C. Usah
D. Jemput

6. " _____ lah terlalu mengikut perasaan dalam membuat sesuatu keputusan. Fikirlah semasak-masaknya terlebih dahulu," pesan ibu kepada abang.

A. Jangan
B. Harap
C. Tolong
D. Minta

4. " _____ ambil tempat masing-masing. Majlis akan bermula sebentar sahaja lagi," kata pengacara majlis itu.

A. Harap
B. Sila
C. Jangan
D. Usah

7. " _____ duduk sebentar. Nama puan akan dipanggil sebentar lagi," kata staf yang duduk di kaunter hadapan Klinik Gigi Fatimah.

A. Jangan
B. Sila
C. Harap
D. Usah

8. "_____ berlakon lagi. Perbuatan kamu telah dirakam di kamera litar tertutup bank itu," gertak pihak polis yang sedang menyoal siasat suspek kes rompakan bank.

- A. Jangan
- B. Sila
- C. Minta
- D. Harap

9. "_____lah datang ke rumah saya sekiranya abang mempunyai kelapangan," kata ayah kepada Pak Long.

- A. Jemput
- B. Jangan
- C. Harap
- D. Usah

10. "_____ bimbang. Saya akan pastikan wang puan dikembalikan kepada puan secepat mungkin," kata seorang pegawai Bank Rakyat.

- A. Usah
- B. Tolong
- C. Minta
- D. Harap

11. "_____ kamu semua dapat memberikan kerjasama yang baik walaupun saya hanyalah pekerja baharu di sini," kata Izzat.

- A. Jangan
- B. Minta
- C. Sila
- D. Harap

12. "_____ perhatian. Diharapkan tuan puan dapat bersabar. Sidang media akan bermula sebentar sahaja lagi," kata setiausaha Menteri Pelancongan.

- A. Minta

- B. Tolong
- C. Harap
- D. Usah

13. "_____ ambilkan ayah segelas air," pinta ayah yang sedang menahan kesakitan.

- A. Jangan
- B. Usah
- C. Tolong
- D. Harap



14. "_____ semua pelajar yang masih berada di luar untuk masuk ke kelas masing-masing dengan kadar segera," kata Cikgu Sulaiman.

- A. Tolong
- B. Minta
- C. Usah
- D. Jangan

15. "_____ dikenang lagi peristiwa sedih itu," pesan Ahmad kepada Azmin.

- A. Minta
- B. Usah
- C. Tolong
- D. Sila

16. "_____ kosongkan tempat kamu secepat mungkin kerana pekerja baharu yang akan menggantikan

- tempat kamu akan tiba sebentar lagi,"ujar Dato' Ahmad.
- A. Tolong
B. Jangan
C. Harap
D. Usah
17. "_____ bermain basikal di luar rumah tanpa pengawasan ibu atau ayah,"pesan ibu kepada adik.
- A. Tolong
B. Minta
C. Sila
D. Jangan
18. "_____ kamu memandang rendah pada pelajar miskin itu. Dia lebih pintar berbanding kita semua,"ujar Islah kepada rakan-rakan sekelasnya.
- A. Tolong
B. Sila
C. Jangan
D. Minta
19. "_____ belikan ibu beberapa biji bawang merah dan bawang putih jika kamu hendak ke pasar," pesan ibu kepada abang.
- A. Tolong
B. Jangan
C. Minta
D. Harap
20. "_____ berkawan dengan budak-budak nakal yang sering membuat onar itu,"ujar Cikgu Salman.
- A. Tolong
B. Harap
C. Minta
D. Jangan

TIP BIJAK BAHASA

Salah

Betul

para hadirin sekalian	para hadirin
kedua – dua sungai	kedua – dua batang sungai
goreng pisang	pisang goreng